

PERSEKUTUAN KUDAKA BERUSAHA SAMA DI SEKOLAH : SATU MASA
DI SEKOLAH - SEKOLAH BERKUALITI DAN BERKUALITI PANGAT

NORHANA BINTI BRAM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

900801



108006

ABSTRAK

Kajian deskriptif ini dijalankan bertujuan untuk melihat sama ada pengamalan budaya kerja Islam dilaksanakan oleh guru dan pihak pengurusan sekolah. Pengamalan budaya kerja Islam, dalam kajian ini dilihat dari penerapan nilai etika kerja yang telah dibahagikan kepada enam gagasan nilai iaitu amanah, tekun, cepat dan tepat, berbudi mulia, produktif dan berkualiti serta kemajuan teknologi. Sampel kajian, seramai 120 orang guru dari enam buah sekolah menengah di daerah Kuala Langat telah terlibat dalam kajian ini. Kajian ini telah menggunakan set borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Item soal selidik ini telah diuji kebolehpercayaannya dengan menjalankan kajian rintis menggunakan koefisien Cronbach Alpha yang mempunyai nilai kebolehpercayaan 0.9654. Data yang diperolehi telah dianalisis secara statistik deskriptif dan ujian-t dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Packages for Social Sciences) version 10. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru dan pihak pengurusan sekolah ada mengamalkan budaya kerja Islam dalam melaksanakan tugas-tugas mereka di sekolah. Nilai etika kerja yang paling kerap diamalkan oleh guru-guru adalah nilai berbudi mulia dan nilai produktif dan berkualiti lebih kerap diamalkan oleh pihak pengurusan sekolah. Hasil dapatan ujian-t telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman mengajar dengan pengamalan budaya kerja guru dan juga antara gred sekolah dengan amalan budaya kerja Islam oleh pihak pengurusan. Berdasarkan kajian ini beberapa cadangan telah dikemukakan untuk membantu meningkatkan, memperkukuhkan dan memantapkan lagi pengamalan budaya kerja Islam di sekolah.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam dunia moden sekarang, perhitungan ekonomi menjadikan kerja begitu penting dalam kehidupan manusia. Dalam Islam juga kerja itu penting. Namun tidak ada konsep '*kerja untuk kerja*' sebagaimana diamalkan dan difahami dalam sesetengah masyarakat.

Oleh kerana kerja itu adalah satu lanjutan amal dalam pengertian yang lebih luas, maka kerja menurut perspektif Islam tidak dilakukan semata-mata untuk memenuhi tuntutan ekonomi sahaja. Kerana itulah kerja dan mencari nafkah untuk diri dan keluarga hendaklah sentiasa terkawal dan tidak berlebihan kerana Al-Quran mengingatkan bahawa kehidupan dunia hanyalah bersifat sementara. Menurut Islam kerja itu harus dilakukan menurut perjanjian, berasaskan keadilan serta tanggungjawab di pihak majikan dan pekerja. Seseorang pekerja bertanggungjawab kepada majikannya dan Allah s.w.t. bagi melaksanakan tugas sesempurna mungkin sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian kedua-dua pihak.

Budaya Kerja Islam adalah usaha penyelarasan yang rasional ke atas segala aktiviti kumpulan manusia dengan membuat pembahagian fungsi dan tanggungjawab mengikut hirarki dari segi kuasa dan kedudukan untuk sesuatu tujuan matlamat. Ini bermaksud segala aktiviti manusia dan pencapaiannya adalah untuk mencari kesesuaian sistem dan cara bagaimana hendak diterapkan nilai-nilai murni kepada

ahli-ahli organisasi supaya mereka dapat menjiwai nilai-nilai itu untuk menghadapi persaingan cabaran perubahan dunia masa kini.

Oleh sebab itulah dalam perlumbaan mengejar kemajuan baik sesiapa pun, haruslah mempunyai budaya kerja yang berasaskan prinsip nilai etika kerja yang kukuh, kerana dengan penghayatan etika ini sesiapa pun mampu mencapai kemajuan yang seimbang dan sepadu selaras dengan tuntutan agama dan bukan berkesudahan dengan kemajuan yang pincang.

Perubahan dunia global menjanjikan pelbagai perubahan drastik kepada dunia pendidikan yang mencabar para pendidik. Perkembangan yang pesat ini menyebabkan peranan ahli-ahli organisasi sekolah terutamanya para pendidik menjadi bertambah sukar dan kompleks sedangkan kecemerlangan sesebuah sekolah itu bergantung kepada kepimpinan pengetua dan juga guru-gurunya. Justeru itu mereka perlulah sentiasa bersedia dan dinamik dalam menghadapi cabaran-cabaran daripada perubahan yang berlaku.

Sama ada pihak pengurusan ataupun guru-guru itu sendiri, perlulah tahu dan benar-benar memahami apa yang harus dipupuk dalam diri mereka sebagaimana yang telah diamanahkan oleh Allah s.w.t. dalam Al-Quran yang bermaksud:

"Kamu adalah umat yang paling baik yang dilahirkan untuk faedah manusia, menyuruh mengerjakan yang benar dan melarang membuat yang salah, serta beriman kepada Allah."

(Al-Quran 3:110)

Tugas umat yang terbaik itu jelas, iaitu menerima amanah untuk membentuk akhlak dan mewujudkan adab di kalangan anggota umat itu sendiri. Dengan ini maka jelaslah bahawa tugas kita sebagai pendidik adalah untuk memenuhi satu matlamat iaitu menunaikan tugas sebagai khalifah di bumi ini.

Tugas mendidik melibatkan pelbagai aktiviti, termasuk merancang dan melaksanakan program, dasar dan juga projek-projek pembangunan untuk sekolah, di samping menguatkuasakan pelbagai peraturan yang telah ditetapkan oleh

Kementerian dan juga sekolah. Dalam hal ini, masyarakat menaruh harapan yang tinggi terhadap tugas-tugas guru untuk melahirkan insan yang cemerlang dan berjaya.

Bagi melaksanakan tugas tersebut, guru mestilah mengamalkan budaya kerja yang mengambil kira nilai-nilai Islam yang boleh diterima oleh orang Islam dan bukan Islam seperti amanah, kejujuran, bertanggungjawab, rajin, ikhlas, tertib, disiplin, mengutamakan masyarakat lebih daripada diri sendiri, sanggup berkorban, tidak tamak, bermoral dan berkelakuan baik dan lain-lain lagi. Nilai dan etika sememangnya terkandung dalam ajaran agama yang menjadi asas rasional budaya kerja. Etika kerja pula dibentuk berdasarkan nilai-nilai universal yang kemudiannya disesuaikan dengan lunas-lunas undang-undang negara, sistem nilai masyarakat setempat dan peraturan-peraturan tertentu yang ditetapkan oleh organisasi sekolah itu.

Bagi organisasi sekolah, nilai etika kerja adalah unsur yang sangat penting untuk dititikberatkan kerana setiap kakitangan sekolah itu perlu memiliki tingkah laku yang sempurna seperti yang dikehendaki oleh masyarakat. Nilai dan etika kerja penting dalam sesebuah organisasi kerana ia berperanan dalam membina peribadi yang berakhlak mulia dan bermoral tinggi. Maka kerana itulah pentingnya penghayatan nilai murni ini diamalkan oleh guru di sekolah.

Penghayatan nilai murni ini ialah bimbingan ke arah pembentukan akhlak yang mulia dalam menggerakkan guru-guru untuk memberi sumbangan yang lebih berkesan dalam meningkatkan prestasi dan kecemerlangan dalam tugas-tugas yang dilakukan. Nilai dan etika kerja yang perlu ada pada setiap individu itu adalah nilai-nilai Islam yang membentuk kawalan bagi memastikan perlakuan mereka sentiasa selaras dengan sistem nilai tersebut.

Unsur agama dan kebijaksanaan sememangnya mengandungi nilai-nilai murni dan sifat perilaku manusia. Nilai-nilai murni itu akan menjadi ukuran kemuliaan tingkah laku dan juga menjamin terbinanya satu organisasi sekolah yang kuat dan jitu.